A

NARAYANAN MURUKAIYA lwn. MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
KAMALUDIN MD SAID H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-02-01-2016]
B 13 JULAI 2016

PROSEDUR JENAYAH: *Habeas corpus – Permohonan – Pemohon ditangkap di bawah s. 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 – Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah memerintahkan tahanan selama dua tahun – Sama ada dapatan pegawai inkuiri diserahkan kepada pemohon dengan serta-merta – Sama ada penyerahan dapatan siasatan kepada pemohon bersifat mandatori – Sama ada terdapat kelewatan dalam penyerahan dapatan – Sama ada membentuk ketidakpatuhan prosedur di bawah s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959*

C

PROSEDUR JENAYAH: *Habeas corpus – Permohonan – Dakwaan ketidakpatuhan prosedur – Perintah tahanan dikeluarkan terhadap pemohon pada hari ke-68 selepas ditangkap – Sama ada ketidakpatuhan kepada s. 4 Akta Pencegahan Jenayah – Sama ada s. 4 memperuntukkan tempoh masa khusus untuk perintah tahanan dikeluarkan – Sama ada perintah tahanan dikeluarkan menurut Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014 – Sama ada dakwaan ketidakpatuhan prosedur bermerit*

D

E

Pemohon ditangkap pada 1 Oktober 2015 di bawah s. 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 ('APJ') dan ditahan sehingga 27 November 2015 di mana pemohon dibebaskan sementara dengan satu bon dan dipasang dengan suatu alat peranti pengawasan polis ('EMD'). Pada 7 Disember 2015, pemohon dipanggil ke balai polis dan diserahkan dengan sesalinan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah ('PLPJ') yang mengarahkan pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak selama dua tahun. Oleh itu, pemohon memfailkan writ *habeas corpus* bahawa tahanannya dibuat tanpa mengikut prosedur di bawah APJ dan Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014. Alasan-alasan yang dikemukakan pemohon untuk menyokong permohonannya adalah: (i) pihak polis tidak menyerahkan dapatan pegawai inkuiri kepada pemohon dengan 'serta-merta', satu ketidakpatuhan kepada s. 10(2) APJ; (ii) perintah tahanan dikeluarkan terhadap pemohon pada hari ke-68, ketidakpatuhan terhadap s. 4 APJ; (iii) gagal membuktikan pematuhan kepada sub-Peraturan 5(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014; dan (iv) gagal membuktikan pematuhan kepada sub-Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014.

F

G

H

I

Diputuskan (membenarkan permohonan pemohon; membatalkan perintah tahanan pemohon dan memerintahkan pemohon dibebaskan dari tahanan dengan serta-merta):

(1) Seksyen 10(2) APJ memperihalkan berkenaan suatu dapatan pegawai siasatan dan objektif seksyen ini adalah supaya dapatan pegawai siasatan dilaporkan kepada Lembaga dan pegawai yang menjaga orang itu dan pegawai yang menjaga menyerahkan salinan laporan dapatan dengan serta-merta kepada orang itu. Penyerahan dapatan siasatan kepada pemohon adalah bersifat mandatori kerana dapatan itu adalah berkaitan diri pemohon dan menyentuh hak asasi pemohon. Penyerahan 'serta-merta' bermaksud pemohon hendaklah diberikan peluang secepat mungkin untuk melihat dapatan siasatan tersebut dan untuk menyediakan apa-apa bantahan atau pembelaan di hadapan Lembaga. (perenggan 36 & 42)

(2) Pegawai siasatan, Tan Kim Tze, menghantar dapatan itu kepada Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman dan tidak memajukan terus dapatan itu kepada pegawai yang menjaga pemohon, ASP Azuan bin Mat Omar, menyebabkan dia hanya dapat menyerahkan salinan dapatan kepada pemohon pada 17 November 2015 apabila ia sepatutnya boleh diserahkan pada 16 November 2015. Dengan itu, dapatan pegawai siasatan tidak disampaikan kepada pemohon dengan 'serta-merta' dan oleh itu terdapat ketidakpatuhan prosedur terhadap peruntukan s. 10(2) APJ. (perenggan 40, 43 & 47)

(3) Peruntukan s. 4 dan s. 7 APJ jelas tidak menyatakan tempoh masa khusus atau tertentu untuk suatu perintah tahanan dikeluarkan kepada suspek/pemohon. Seksyen 7(1) APJ menyatakan 'any person remanded in custody under s. 4 may, at any time, be taken before a Sessions Court Judge ...'. Dengan itu, tidak timbul isu bahawa apabila pemohon dipasang dengan EMD dan dibebaskan sementara, ia hendaklah tidak melebihi 59 hari. Pemohon jelas tidak berada dalam tahanan reman melebihi 60 hari. Oleh itu, isu berkaitan ketidakpatuhan s. 4 APJ tidak berasas dan tidak bermerit. (perenggan 57-60)

(4) Lembaga Penasihat telah menghantar Borang II dan Borang III bagi tujuan pendengaran dan mengemukakan pemohon bagi tujuan representasi dan pemohon telah hadir ke pendengaran representasi dengan diwakili peguam di hadapan pengerusi. Tanda tangan dan cop dalam Borang II dan III adalah oleh Pengerusi Lembaga Penasihat dan oleh itu, Borang II dan Borang III tidak defektif atau memprejudiskan pemohon. (perenggan 68 & 69)

(5) Walau apa pun, Borang-borang II dan III adalah borang-borang rasmi dan apa-apa tindakan yang diambil adalah atas urusan rasmi. Oleh itu, menurut s. 114(e) Akta Keterangan 1950, mahkamah boleh membuat anggapan bahawa apa-apa tindakan yang dibuat atas urusan rasmi

A hendaklah diterima sebagai telah dilaksanakan dengan betul. Selain itu, pemohon tidak pernah membangkitkan isu ini dalam afidavit pemohon dan isu ini sepatutnya tidak boleh dibangkitkan di peringkat hujahan. (perenggan 70 & 72)

Kes-kes yang dirujuk:

B *Assunta Hospital v. Dr A Dutt [1979] 1 LNS 6 HC* ***(dirujuk)***

Attorney-General, Malaysia v. Chemical Workers' Union of Malaya & Anor [1970] 1 LNS 6 HC ***(dirujuk)***

Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain [2015] 5 CLJ 223 HC ***(dirujuk)***

Kathiravelu Ganesan & Anor v. Kojasa Holdings Bhd [1997] 3 CLJ 777 SC ***(dirujuk)***

C *Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors [2007] 5 CLJ 171 CA* ***(diikuti)***

Kishorkaan Murugan lwn. Pengerusi, Lembaga Pencegahan Jenayah & Satu Lagi [2014] 1 LNS 1918 HC ***(dirujuk)***

Logeswaran Rethinam & Anor v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2008] 1 LNS 869 HC ***(dirujuk)***

D *Mohd Nazir Badar Shair v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2000] 2 CLJ 805 HC* ***(dirujuk)***

Murugan Supparamaniam v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2010] 4 CLJ 405 FC ***(dirujuk)***

Pheh Kok Lim v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors (Semakan Kehakiman No. 25-06-05-2015) (Unreported) ***(dirujuk)***

E *Phua Hing Lai & Ors v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1990] 1 CLJ 420; [1990] 1 CLJ (Rep) 238 SC* ***(dirujuk)***

Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***

SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***

F *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Liau Nyun Fui & Ors [1991] 1 CLJ 458; [1991] 1 CLJ (Rep) 458 SC* ***(dirujuk)***

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan [2006] 4 CLJ 703 FC ***(dirujuk)***

G **Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, s. 114(e)

Federal Constitution, arts. 5(2), 151(2)

Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 54(2)

Prevention of Crime Act 1959 , ss. 3(1), (2), 4(1)(a), (2)(a), 7(1)(b), 7A, 9, 10(2), 11(1), 15A

H Prevention of Crime (Advisory Board Procedure) Regulations 2014, regs. 5(1), 6(1)

Bagi pihak pemohon - Naizatul Zamrina; T/n KL Chee & Co

Bagi pihak responden-responden - Hemy Anerina; Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh S Barathi

I

PENGHAKIMAN

Kamaludin Md Said H:

Pendahuluan

[1] Pemohon telah ditangkap pada 1 Oktober 2015 di bawah s. 3(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (seterusnya dirujuk APJ 1959). Selepas itu pemohon ditahan di dalam lokap pusat di Jinjang, Kuala Lumpur sehingga 27 November 2015 di mana pemohon dibebaskan sementara dengan suatu bon dan dipasang dengan suatu alat peranti pengawasan polis (selepas ini disebut sebagai EMD).

[2] Pada 7 Disember 2015 pihak polis telah memanggil pemohon datang ke balai polis dan diserahkan dengan sesalinan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah (selepas ini disebut sebagai PLPJ) yang mengarahkan supaya pemohon ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Bentong, Pahang (selepas ini disebut sebagai pusat berkenaan) selama dua tahun mulai 7 Disember 2015.

Undang-undang

[3] Permohonan writ *habeas corpus* pemohon dibuat di bawah art. 5(2) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan pemohon mengemukakan aduan ke Mahkamah Tinggi berkenaan tahanan yang dikenakan kepadanya dan Mahkamah Tinggi akan menyiasat aduan tersebut dan menentukan sama ada penangkapan dan seterusnya penahanan pemohon adalah mengikut nas undang-undang ataupun tidak.

[4] Telah diputuskan dalam banyak kes di mahkamah bahawa beban untuk membuktikan sesuatu tahanan adalah sah dan mengikut prosedur mandatori terletak kepada pihak berkuasa yang menahan (*SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 6 CLJ 705 dan *Murugan Supparamaniam v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2010] 4 CLJ 405; [2010] 4 MLJ 488)

[5] Kes *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129; [1976] 2 MLJ 245 di ms. 250 dan 251, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan bahawa tahanan tanpa perbicaraan yang menafikan hak asasi orang yang ditahan, prosedur yang ditetapkan di bawah status berkenaan hendaklah diikuti dengan ketat:

> Preventive detention is the detention of a person without trial as opposed to punitive detention where a person is detained after a trial in a court of law in which he is proved to have committed an offence punishable under certain provisions of the penal law.
>
> Preventive detention is therefore, a serious invasion of personal liberty. Whatever safeguard provided by law against the improper exercise of such power must be zealously watched and enforced by the court. In a matter

so fundamental and important as the liberty of the subject, strict compliance with statutory requirements must be observed in depriving a person of his liberty. The material provisions of the law authorising detention without trial must be strictly construe and safeguards which the law deliberately provides for the protection of any citizen must be literally interpreted.

Where the detention cannot be held to be in accordance with the procedure established by law, the detention is bad and the person detained is entitled to be released forthwith. Where personal liberty is concerned an applicant in applying for a writ of *habeas corpus* is entitled to avail himself of any technical defects which may invalidate the order which deprives him of his liberty.

Alasan-alasan Permohonan

[6] Pemohon telah mengemukakan alasan-alasan seperti berikut untuk menyokong permohonan bahawa tahanan terhadapnya telah dibuat tanpa mengikut prosedur di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan 2014) dan Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014:

(i) Polis tidak serahkan dapatan pegawai inkuiri kepada pemohon dengan 'serta-merta' - Ketidakpatuhan kepada s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan 2014);

(ii) Perintah tahanan dikeluarkan terhadap pemohon pada hari ke 68 - Ketidakpatuhan kepada s. 4 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan 2014);

(iii) Gagal buktikan pematuhan kepada sub-Peraturan 5(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014;

(iv) Gagal buktikan pematuhan kepada sub-Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014.

Hujahan Pemohon

Polis Tidak Serahkan Dapatan Pegawai Inkuiri Kepada Pemohon Dengan 'Serta-merta'

[7] Pemohon mendeposkan di dalam afidavit sokongannya bahawa pegawai polis tidak menyerahkan salinan dapatan pegawai siasatan kepadanya dengan 'serta-merta' melanggari peruntukan s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (APJ 1959).

[8] Seksyen 10(2) APJ 1959 memperuntukkan:

10. LAPORAN PEGAWAI SIASATAN

(1) ...

(2) Jika Pegawai Siasatan berpuas hati bahawa ada alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang yang menjadi hal-perkara siasatan ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan, dia

hendaklah melaporkan alasan-alasan, bersama dengan dapatannya, kepada Lembaga, dan hendaklah memajukan suatu salinan dapatannya kepada pegawai yang menjaga orang itu, yang hendaklah dengan 'serta-merta' menyampaikan suatu salinan dapatan Pegawai Siasatan kepada orang itu.

[9] Perenggan (13) afidavit jawapan Tan Kim Sze (pegawai inkuiri) telah mendeposkan bahawa pada 16 November 2015 beliau telah mengemukakan sesalinan dapatan menurut s. 10(2) Akta dan sesalinan Borang I di bawah s. 11(1) Akta tersebut kepada Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman untuk diserahkan kepada ASP Azuan bin Mat Omar sebelum diserahkan kepada pemohon.

[10] Manakala merujuk afidavit jawapan ASP Azuan bin Mat Omar di perenggan (4) menyatakan bahawa pada 17 November 2015 pada jam 12.30 tengah hari beliau telah diminta oleh Jabatan Siasatan Jenayah D7 Bukit Aman untuk mengambil dapatan pegawai inkuiri di bawah s. 10(2) Akta tersebut yang dibuat oleh Tan Kim Sze (pegawai inkuiri).

[11] Selanjutnya deponen di perenggan (5) pula mengatakan bahawa pada 17 November 2015 jam 1.30 petang setelah beliau menerima dapatan tersebut telah menyampaikan dapatan kepada pemohon pada 17 November 2015 jam 2.15 petang. Namun tiada apa-apa penjelasan daripada pihak polis kenapa JSJ D7 Bukit Aman setelah menerima dapatan pegawai inkuiri pada 16 November 2015 tidak menghubunginya pada hari yang sama 16 November 2015 untuk mengambil dapatan tersebut, sebaliknya menghubungi ASP Azuan Mat Omar untuk mengambil pada 17 November 2015 jam 12.30 tengah hari.

[12] Pemohon berhujah bahawa jarak di antara JSJ D7 Bukit Aman dengan tempat ASP Azuan bin Mat Omar bertugas (IPD Brickfileds KL) adalah dekat dalam masa setengah jam sahaja, ASP Azuan boleh sampai Bukit Aman untuk mengambil dapatan pada 16 November 2015. Tiada sebarang penjelasan dibuat oleh ASP Azuan atau pihak polis JSJ D7 Bukit Aman kenapa beliau hanya mengambil dapatan dari JSJ D7 Bukit Aman pada 17 November 2015 walhal pegawai inkuiri sudah pun mengemukakan dapatannya menurut s. 10(2) Akta tersebut kepada JSJ D7 Bukit Aman pada 16 November 2015.

[13] Oleh yang demikian, apabila ASP Azuan bin Mat Omar menyerahkan dapatan pegawai inkuiri kepada pemohon pada keesokan hari iaitu hari yang keduanya pada 17 November 2015 pada jam 2.15 petang, dihujahkan penyerahan dapatan tersebut bukannya dalam konteks 'serta-merta'.

[14] Pemohon merujuk kepada kes *Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* [2015] 5 CLJ 223 di mana mahkamah memutuskan bahawa kelewatan selama dua hari menyampaikan dapatan kepada pemohon bukannya dalam konteks 'serta-merta' di bawah s. 10(2)

A Akta tersebut. Permohonan semakan kehakiman dibenarkan. Kes ini juga telah dibuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia pada bulan Ogos 2015 dan di 'affirmed' oleh Mahkamah Rayuan Malaysia.

[15] Pemohon juga merujuk kepada kes *Pheh Kok Lim v. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors* (Semakan Kehakiman No: 25-06-05-2015) yang
B diputuskan oleh mahkamah pada 18 Mac 2015 di mana polis telah menyerahkan salinan dapatan pegawai inkuiri kepada pemohon pada hari keesokannya iaitu pada hari yang kedua 7 Mac 2015 walhal polis menerima dapatan pegawai inkuiri pada 6 Mac 2015. Mahkamah menyatakan bahawa penjelasan oleh Insp. Cheok Kian Soon adalah tidak boleh diterima oleh
C mahkamah dan memutuskan bahawa penyerahan dapatan tidak dibuat dalam konteks 'serta-merta'. Oleh itu wujudnya ketidakpatuhan kepada s. 10(2) Akta tersebut dan dengan mengaplikasikan kes *Hanizam Hassan* membenarkan permohonan.

Hujahan Responden

D

[16] Responden tidak menafikan bahawa terdapat tempoh selama satu hari dapatan diambil oleh pegawai serah dapatan ASP Azuan Mat Omar untuk menyampaikan dapatan tersebut kepada pemohon. Walau bagaimanapun, dihujahkan ASP Azuan Mat Omar telah mengemukakan penjelasan yang
E munasabah berkenaan kelewatan yang didakwa oleh pemohon.

[17] Di perenggan 4 afidavit ASP Azuan bin Mat Omar, telah menyatakan bahawa dia telah menerima panggilan daripada Bukit Aman pada 17 November 2015 pada jam 12.30 tengah hari untuk mengambil satu dapatan yang dibuat oleh pegawai inkuiri untuk diserahkan kepada pemohon.
F Justeru itu, merujuk pada perenggan 5 afidavit ASP Azuan bin Mat Omar, beliau telah menerima dapatan tersebut pada jam 1.30 petang di Bukit Aman dan menyampaikan salinan dapatan tersebut di bawah s. 10(2) Akta tersebut pada 17 November 2015 pada jam 2.15 petang.

[18] Responden menafikan bahawa perkara itu boleh dianggap sebagai satu
G ketakpatuhan prosedur. Apa yang penting mengikut responden ialah perenggan 13 afidavit Tan Kim Sze, di mana dia telah mengemukakan salinan dapatan menurut s. 10(2) kepada Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman pada 16 November 2015 untuk diserahkan kepada ASP Azuan bin Mat Omar - "the officer having custody of the person".

H **[19]** Pihak responden berhujah bahawa "isu serta-merta/ forthwith" adalah merujuk kepada pegawai yang menjaga pemohon yang hendak dengan "serta-merta" menyampaikan salinan dapatan kepada pemohon dan bukan merujuk kepada pegawai inkuiri memajukan salinan dapatan kepada pegawai yang menjaga orang itu.

I **[20]** Oleh itu, isu yang ditimbulkan oleh pemohon adalah tidak bermerit. ASP Azuan telah mematuhi s. 10(2) iaitu sebagai pegawai yang menjaga pemohon menerima dapatan pada 17 November 2015 pada jam 1.30 petang

dan dengan "serta-merta" telah menyampaikan salinan dapatan pegawai siasatan pada jam 2.15 petang kepada pemohon. ("officer having custody of the person, who shall forthwith serve a copy of the finding of the inquiry officer on that person.")

[21] Pihak responden juga merujuk pada kes *Kishorkaan Murugan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah* & Satu Lagi [2014] 1 LNS 1918, di mana di dalam kes ini, pegawai siasatan telah mengemukakan dapatan pada 10 November 2014. Dapatan tersebut bersama-sama Borang 1 telah diserahkan kepada pemohon oleh Insp Weddrin bin Mojingkin pada 12 November 2014. Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh telah menyatakan kelewatan yang berlaku bukanlah terjumlah kepada ketidakpatuhan prosedur. Pokok pangkal pertimbangan yang perlu diberi perhatian berat adalah sama ada perbuatan atau tinggalan yang berlakunya tersebut telah mendatangkan prejudis kepada pemohon. Persoalannya, adakah kelewatan yang dikatakan berlaku tersebut telah menimbulkan prejudis kepada hak dan kepentingan pemohon? Berdasarkan keterangan yang ada, jawapan yang boleh diberikan adalah negatif. Semua tindakan yang diambil walaupun melibatkan sedikit kelewatan, adalah di dalam tempoh tahanan pemohon yang sah. Ketidakpatuhan prosedur yang boleh diambil kira sekiranya ada, hanyalah ketidakpatuhan prosedur yang berbentuk arahan semata-mata dan bukannya ketidakpatuhan mandatori. Kelewatan yang didakwa dilakukan pegawai siasatan dan Insp. Weddrin adalah merupakan ketidakpatuhan yang tidaklah menjejaskan perkara yang menjadi akar umbi perintah tahanan.

[22] Pihak responden berhujah bahawa perbezaan masa 45 minit untuk pegawai penjaga pemohon mengemukakan dapatan tidak langsung menimbulkan hak prejudis atau menjejaskan kepentingan kepada pemohon.

[23] Selanjutnya, dihujahkan bahawa tiada batasan masa yang telah ditetapkan di dalam s. 10(2), di mana seksyen tersebut hanya menyatakan "serta-merta" yang tidak ditakrifkan secara spesifik. Ini adalah berbanding dengan batasan masa yang telah dinyatakan dalam seksyen Akta tersebut yang lain, contohnya s. 3(2) menyatakan seperti berikut:

> Any person arrested under subsection (1) shall, unless sooner released, be taken without unreasonable delay, and **in any case within twenty-four hours** (excluding the time of any necessary journey) before a Magistrate. (penekanan diberikan)

[24] Apabila tiada batasan masa seperti itu, maka s. 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 adalah terpakai iaitu ianya hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang mungkin.

[25] Di dalam menentukan kesegeraan ini, pendekatan yang hendaklah digunakan adalah pertamanya - ujian kesesuaian bukan pada kelewatan melaksanakan tanggungjawab sah, tetapi sama ada tanggungjawab sah tersebut dilaksanakan dengan seberapa segera yang mungkin mengikut

keadaan kes. Keduanya, beban pembuktian kewujudan kelewatan tersebut adalah terletak pada pemohon. Bagi maksud ini, responden bergantung kepada penghakiman Mahkamah Rayuan di dalam kes *Keng Kien Hock v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2007] 5 CLJ 171 yang memutuskan di mana masa tidak dinyatakan, maka sesuatu tindakan hendaklah dijalankan dalam masa seberapa segera yang boleh ("at convenient speed"). Rujuk juga *Phua Hing Lai & Ors v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1990] 1 CLJ 420; [1990] 1 CLJ (Rep) 238) dan *Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Liau Nyun Fui* [1991] 1 CLJ 458; [1991] 1 CLJ (Rep) 458).

[26] Responden telah menyatakan sebab atau alasan ke atas kelewatan-kelewatan tersebut. Responden berhujah bahawa alasan yang diberikan adalah munasabah (reasonable) dengan mengambil kira fakta kes, dan sewajarnya diterima oleh mahkamah. Mengikut responden, kes *Hanizam Hassan lwn. Pengerusi Lembaga Pencegahan Jenayah & Yang Lain* (*supra*) seperti yang dirujuk oleh pemohon, dapatan telah diserahkan kepada pegawai polis pada 14 Mei 2014 yang seterusnya diserahkan kepada pemohon di dalam kes itu pada 16 Mei 2014. Hakim telah mengambil kira bilangan kelewatan tersebut sebagai dua hari. Namun di dalam kes ini, dapatan pegawai inkuiri telah diserahkan kepada pemohon pada hari keesokannya.

[27] Mahkamah di dalam kes *Hanizam Hassan (supra)* telah memutuskan bahawa berlakunya ketidakpatuhan prosedur sahaja, sedangkan mahkamah sepatutnya perlu memutuskan sama ada prosedur yang tidak dipatuhi tersebut adalah bersifat direktori atau mandatori. Sepertimana yang dinyatakan di dalam kes *Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors v. Ong Beng Chuan* [2006] 4 CLJ 703, hanya prosedur yang bersifat mandatori sahaja yang membolehkan satu semakan kehakiman dilakukan oleh mahkamah. YA Augustine Paul dalam mentaksirkan sama ada sesuatu adalah terjumlah kepada ketidakpatuhan prosedur atau tidak telah menyatakan:

> A right to judicial review when there is a breach of a procedural requirement in the making of a detention order under the Act was considered by this court in *Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687 FC in the following words:
>
> > The effect of a breach of such procedural requirements had been considered in a number of cases. See, for example, *Puvaneswaran v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 CLJ 649 (Rep); [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 MLJ 28; *Low Teng Hai v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Others* [1992] 2 CLJ (Rep) 816 and *Aw Ngoh Leang v. Inspector General of Police* [1993] 1 CLJ 373; [1993] 1 MLJ 65. *It has been recognised in these cases that a procedural requirement may be mandatory or directory. A mandatory requirement is one that goes to the root of the matter and is of direct relevance to the detention order. The breach of a mandatory requirement will render the detention order invalid*

without the need to establish any prejudice. The breach of a procedural requirement which is directory will not be significant provided that there is substantial compliance with the rules with no prejudice having been suffered by the detainee. However it must be observed that the power of the Court to intervene is limited to only matters of compliance with procedural requirements by **section 11C(1) of the Act** which reads as follows:

There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with this Act, save in regard to any question on compliance with any procedural requirement in this Act governing such act or decision.

It is clear that the section restricts judicial review to only questions on compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power. Such procedural requirements can only be ones that will go to the root of the matter and be of direct relevance to the making of the detention order. The section only refers to a question of compliance with procedural requirements without subjecting it to any prejudice having been suffered. The test, therefore, in determining whether a breach can be subjected to judicial review is whether it is in compliance with any procedural requirement governing any act done or decision made by the Yang di-Pertuan Agong or the Minister in the exercise of their discretionary power in accordance with the Act without the need to establish any prejudice. *Such a determination will be greatly facilitated, though not decisively, by a consideration of the effect of the statutory provision that has been breached, that is to say, whether it is mandatory or directory in nature.*

(penekanan diberikan)

[28] Responden memohon supaya mahkamah mempertimbangkan semula isu tersebut. Responden berhujah bahawa keperluan prosedur untuk penyerahan dapatan kepada pemohon sememangnya merupakan suatu yang mandatori. Namun, responden berhujah bahawa keperluan untuk ianya dilakukan secara "forthwith" atau "serta-merta" hanyalah bersifat direktori sahaja.

[29] Seterusnya di ms. 713 penghakiman *Ong Beng Chuan (supra)*, YA Augustine Paul HMP telah memutuskan seperti berikut:

[7] It must be observed that the significant parts of r. 3(2), (3) and (4) are a reminder to the detainee of the right to make representation and the receipt and forwarding of Form I to the Secretary of the Advisory Board. Non-compliance with these aspects of the rules will affect the right of representation of the detainee. Thus any breach in the matters to be communicated to the detainee will affect the hearing before the advisory board. This will in turn have a direct bearing on the recommendation to

A be made to the Yang di-Pertuan Agong by the advisory board. *Thus it can only mean that the more crucial aspect of r. 3(2), (3) and (4) is the performance of the duties required by the rules. That, however, cannot be said of the person who is required to communicate the information to the detainee. The fact that it has been done by a person who is not the officer in charge will have no bearing on the conduct of the hearing by the advisory board*. In this regard reference may be made to
B *Howard v. Bodington* [1876] 2 PD 203 where Lord Penzance said at p 211:

> There may be many provisions in Acts of Parliament which although they are not strictly obeyed, yet do not appear to the Court to be of that material importance to the subject-matter to which they refer, as that the legislature could have intended that
C the non-observance of them should be followed by a total failure of the whole proceedings. On the other hand, there are some provisions in respect of which the Court would take an opposite view, and would feel that they are matters which must be strictly obeyed, otherwise the whole proceedings that subsequently follow must come to an end. (penekanan diberikan)

D **[30]** Maka, responden berhujah bahawa aspek yang terpenting (the more crucial aspect), iaitu perkara yang bersifat mandatori, adalah penyerahan dapatan tersebut kepada pemohon. Responden berhujah bahawa keperluan "serta-merta" bukanlah perkara yang terjumlah kepada kepentingan material (material importance), dan oleh itu keperluan tersebut adalah bersifat
E direktori sahaja (dengan mengambil kira keperluan kemunasabahan seperti yang dihujahkan di atas).

[31] Responden merujuk kepada s. 11(1) Akta tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

F > 11. (1) Any person who was the subject of an inquiry who is dissatisfied with any finding made under subsection 10(2) or decision under paragraph 10(3)(b) may, within fourteen days of the service thereunder of the copy of the finding or decision on him, by notice in writing, request the Board to review the finding or decision.

G **[32]** Daripada seksyen tersebut, pemohon diperuntukkan 14 hari daripada tarikh pemohon diserahkan dapatan tersebut untuk mengemukakan permintaan kajian semula dapatan tersebut kepada LPJ. Adalah jelas bahawa sebab dapatan tersebut diserahkan kepada pemohon adalah untuk memaklumkan pemohon mengenai keputusan pegawai inkuiri dan juga
H membolehkannya meminta kajian semula melalui Borang I yang diserahkan bersama dapatan itu. Seksyen 11(1) Akta tersebut memperuntukkan bahawa tempoh untuk meminta kajian semula bermula daripada tarikh pemohon menerima dapatan tersebut. Maka, sama ada dapatan tersebut diserahkan pada tarikh yang sama dengan tarikh dapatan tersebut atau satu hari selepas itu tidak akan memberi kesan ke atas panjangnya tempoh 14 hari tersebut
I untuk pemohon meminta kajian semula, dan tidak sesekali akan memprejudiskan pemohon. Dengan itu, responden berhujah bahawa ini

boleh menunjukkan bahawa keperluan untuk dapatan tersebut diserahkan secara "serta-merta" haruslah ditafsirkan sebagai suatu perkara yang direktori sahaja.

[33] Berdasarkan *ratio deciden* di kes *Ong Beng Chuan (supra)*, mana-mana ketidakpatuhan prosedur yang bersifat direktori sahaja tidak akan menjejaskan atau mencacatkan perintah tahanan. Maka, sekiranya mahkamah ini mendapati bahawa penyerahan dapatan sehari selepas tarikh dapatan tersebut merupakan suatu ketidakpatuhan kepada keperluan serahan secara "serta-merta", responden berhujah bahawa ketidakpatuhan tersebut adalah bersifat direktori sahaja dan oleh itu tidak akan terjumlah kepada suatu ketidakpatuhan prosedur yang tertakluk kepada semakan kehakiman di bawah s. 15A Akta tersebut.

Pendapat Mahkamah

[34] Saya telah menimbangkan hujah peguam pemohon dan Peguam Persekutuan bagi pihak responden dan pendapat saya adalah sebagaimana dinyatakan di perenggan-perenggan berikutnya.

[35] Terdapat beberapa tindakan yang wajib dilaksanakan di bawah s. 10(2) APJ 1959 apabila terdapat laporan dapatan terhadap orang yang disiasat iaitu:

(i) Pegawai siasatan hendaklah melaporkan alasan-alasan, bersama dengan dapatannya, kepada Lembaga;

(ii) Pegawai siasatan hendaklah memajukan suatu salinan dapatannya kepada pegawai yang menjaga orang itu;

(iii) Pegawai yang menjaga hendaklah dengan 'serta-merta' menyampaikan suatu salinan dapatan pegawai siasatan kepada orang itu.

[36] Pada pandangan saya, s. 10(2) APJ 1959 memperihalkan berkenaan suatu dapatan pegawai siasatan dan objektif seksyen ini adalah supaya dapatan pegawai siasatan itu dilaporkan kepada Lembaga dan kepada pegawai yang menjaga orang itu dan pegawai yang menjaga menyerahkan salinan laporan dapatan dengan serta-merta kepada orang itu.

[37] Dalam kes ini pegawai siasatan, Tan Kim Sze telah mendeposkan bahawa pada 16 November 2015 beliau telah mengemukakan sesalinan dapatan menurut s. 10(2) Akta dan sesalinan Borang I di bawah s. 11(1) Akta tersebut kepada Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman untuk diserahkan kepada ASP Azuan bin Mat Omar sebelum diserahkan kepada pemohon.

[38] Pegawai yang menjaga, ASP Azuan bin Mat Omar telah menyatakan bahawa pada 17 November 2015 pada jam 12.30 tengah hari beliau telah diminta oleh Jabatan Siasatan Jenayah D7 Bukit Aman untuk mengambil dapatan pegawai siasatan di bawah s. 10(2) Akta tersebut yang dibuat oleh

Tan Kim Sze. Selanjutnya ASP Azuan bin Mat Omar mengatakan bahawa pada 17 November 2015 pada 1.30 petang setelah beliau menerima dapatan tersebut telah menyampaikan dapatan kepada pemohon pada 17 November 2015 pada 2.15 petang.

[39] Hujah peguam pemohon mempunyai merit apabila mempersoalkan mengapa dapatan pegawai siasatan pada 16 November 2015 tidak disampaikan pada hari yang sama iaitu 16 November 2015 dan mengapa ASP Azuan Mat Omar hanya mengambil dapatan itu pada 17 November 2015 pada 1.30 petang untuk diserahkan kepada pemohon.

[40] Setelah melihat kepada pernyataan-pernyataan Tan Kim Sze dalam afidavitnya itu, persoalan yang betul ialah mengapa Tan Kim Tze menghantar laporan dapatan kepada Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman sedangkan s. 10(2) APJ 1959 hanya meletakkan tanggungjawabnya melaporkan alasan-alasan dapatannya kepada Lembaga dan salinan dapatan kepada pegawai yang menjaga pemohon. Dalam hal ini pegawai siasatan Tan Kim Tze menghantar dapatan itu kepada Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman dan tidak majukan terus dapatan itu kepada pegawai yang menjaga pemohon bertentangan dengan peruntukan s. 10(2) APJ 1959. Maka, disebabkan dapatan tidak dimajukan terus kepada pegawai yang menjaga maka dapatan itu tidak dapat dikemukakan kepada pemohon dengan "serta-merta".

[41] Dalam kes ini, dapatan pegawai siasatan telah diserahkan kepada pemohon pada keesokan harinya 17 November 2015 pada jam 2.15 petang. Dapatan siasatan telah siap pada 16 November 2015. Penjelasan daripada ASP Azuan bin Mat Omar berkenaan penyerahan lewat ini ialah kerana dia telah dihubungi oleh Jabatan Siasatan Jenayah D7, Bukit Aman sebaliknya untuk mengambil salinan dapatan itu pada 17 November 2015 pada 12.30 tengah hari dan telah terima salinan dapatan itu pada jam 1.30 petang.

[42] Berkenaan penjelasan ASP Azuan bin Mat Omar, boleh disimpulkan bahawa seandainya dia tidak dihubungi untuk mengambil dapatan tersebut, dia pun tidak tahu bahawa terdapat dapatan yang telah disediakan jadi penjelasan darinya itu adalah benar dan diterima. Walau bagaimanapun, penyerahan dapatan siasatan kepada pemohon pada pandangan saya adalah bersifat mandatori. Peruntukan s. 10(2) APJ 1959 itu sendiri adalah mandatori. Dapatan pegawai siasatan mengandungi alasan-alasan bahawa pemohon ialah seorang anggota mana-mana kategori boleh didaftarkan. Dapatan tersebut adalah berkaitan diri pemohon dan menyentuh hak asasi pemohon. Penyerahan "serta-merta" bermakna pemohon hendaklah diberikan peluang secepat yang mungkin untuk melihat dapatan siasatan tersebut dan untuk menyediakan apa-apa bantahan atau pembelaan di hadapan Lembaga.

[43] Seksyen 10(2) APJ 1959 menggunakan perkataan "dia hendaklah". Perkataan "dia" merujuk kepada pegawai siasatan. Dalam kes ini pegawai siasatan (Tan Kim Tze) telah gagal memajukan sesalinan dapatan terus kepada pegawai yang menjaga (ASP Azuan bin Mat Omar) menyebabkan dia hanya dapat menyerahkan salinan dapatan pada pemohon pada 17 November 2015 yang sepatutnya boleh diserahkan pada 16 November 2015.

[44] Saya tidak bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan bahawa keperluan penyerahan dapatan tersebut kepada pemohon dengan "serta-merta" adalah bersifat direktori sahaja. Hujah responden berdasarkan kepada s. 11(1) Akta tersebut yang memperuntukkan tempoh masa 14 hari daripada tarikh pemohon diserahkan dapatan tersebut untuk mengemukakan permintaan kajian semula dapatan tersebut kepada LPJ.

[45] Pada pandangan saya peruntukan s. 11(1) APJ 1959 adalah seksyen yang berlainan iaitu mengenai tempoh mengemukakan kajian semula. Sepertimana yang saya katakan bahawa penyerahan dapatan siasatan kepada pemohon hendaklah dibuat secara "serta-merta" di bawah s. 10(2) Akta, maka peruntukan tersebut hendaklah diikuti dengan ketat kerana ianya adalah peruntukan madatori. Sama ada setelah menerima dapatan siasatan itu, pemohon akan berpuas hati atau tidak dan sama ada pemohon akan memohon kajian semula di hadapan Lembaga, adalah isu yang berlainan. Apa yang penting ialah dapatan siasatan diserahkan kepada pemohon dengan 'serta-merta' supaya dia boleh membaca dan meneliti dapatan siasatan itu dan memikirkan sama ada untuk menyempurnakan pilihan di bawah s. 11(1) APJ 1959 itu secepat mungkin. Kelewatan sudah tentu memprejudiskan hak yang diberikan kepada pemohon untuk mendapatkan dapatan siasatan dengan 'serta-merta'.

[46] Saya juga tidak bersetuju dengan hujahan Peguam Persekutuan apabila beliau berhujah iaitu sama ada dapatan tersebut diserahkan pada tarikh yang sama dengan tarikh dapatan tersebut atau satu hari selepas itu tidak akan memberi kesan ke atas panjangnya tempoh 14 hari tersebut untuk pemohon meminta kajian. Jawapan kepada hujah tersebut ialah dengan merujuk kepada s. 11(1) APJ 1959 itu sendiri yang mana tempoh 14 hari yang diberikan untuk mengemukakan apa-apa kajian semula kepada Lembaga adalah prosedur dan bersifat direktori sahaja iaitu terpulang kepada pemohon. Oleh itu peruntukan s. 11(1) APJ 1959 adalah berasingan.

[47] Dalam kes ini saya berpendapat bahawa dapatan pegawai siasatan telah tidak disampaikan kepada pemohon secara "serta-merta" iaitu pada 16 November 2015 dan telah terdapat ketakpatuhan prosedur terhadap peruntukan s. 10(2) APJ 1959.

Perintah Tahanan Dikeluarkan Terhadap Pemohon Pada Hari Ke 68 - Ketidakpatuhan Kepada s. 4 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan 2014)

[48] Berkenaan isu ini, saya telah menimbangkan hujahan peguam pemohon dan Peguam Persekutuan mewakili responden-rerponden dan pendapat saya adalah sepertimana di perenggan-perenggan berikutnya.

[49] Pemohon telah mendeposkan di dalam afidavit sokongannya bahawa beliau telah ditangkap pada 1 Oktober 2015 dan diserahkan dengan perintah tahanan dikeluarkan pada 7 Disember 2015 telah melebihi 60 hari iaitu pada hari yang ke 68 hari. Ini mengikut pemohon telah melanggari peruntukan s. 4 Akta tersebut.

[50] Menurut s. 3(1) APJ 1959, seseorang pegawai polis boleh tanpa waran menangkap mana-mana orang jika dia mempunyai sebab mempercayai bahawa ada alasan-alasan yang mewajarkan siasatan diadakan mengenai kes orang tersebut di bawah Akta ini, melainkan terlebih dahulu dilepaskan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa 24 jam.

[51] Menurut s. 4(1)(a) APJ 1959 memperuntukkan bahawa di atas permohonan pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyatakan bahawa ada alasan-alasan bagi mempercayai bahawa nama orang itu patut dimasukkan ke dalam Daftar, seseorang Majistret boleh mereman orang itu dalam jagaan polis bagi tempoh tidak melebihi 21 hari.

[52] Selanjutnya s. 4(2)(a) pula di atas permohonan kepada Majistret dengan mengemukakan suatu pernyataan bertulis oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya dan pernyataan bertulis dari polis berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis yang menyatakan bahawa ada niat untuk diadakan suatu siasatan mengenai kes orang tersebut di bawah s. 9 Akta tersebut, boleh memerintahkan orang itu direman dalam jagaan bagi tempoh 38 hari.

[53] Pemohon berhujah bahawa jumlah hari reman di bawah s. 3(1) dan s. 4(1) dan s. 4(2) APJ 1959 adalah 60 hari sahaja. Oleh itu, proses siasatan polis, inkuiri pegawai siasatan sehinggalah pengeluaran perintah tahanan ke atas pemohon hendaklah tidak melebihi 60 hari. Selanjutnya dihujahkan sekiranya pihak polis ingin melepaskan sementara seseorang yang direman di bawah s. 4 oleh Majistret, menurut s. 7 Akta tersebut pihak polis boleh mengemukakan orang itu di hadapan seorang Hakim Mahkamah Sesyen untuk perlaksanaan suatu bon dengan atau tanpa penjamin bagi kehadirannya di mana-mana tempat atau pada masa tersebut dan dalam apa-apa tempoh tidak melebihi 59 hari, sebagaimana diarahkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

[54] Jika polis berniat untuk melepaskan seseorang itu dengan pemasangan alat peranti pengawasan polis (atau dikenali sebagai EMD) di bawah s. 7(1)(b) Akta tersebut, ianya dibuat di atas suatu permohonan oleh seorang Timbalan Pendakwa Raya kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan tertakluk kepada s. 7(1)(b) Akta tersebut iaitu tidak melebihi 59 hari.

[55] Pemohon berhujah bahawa tempoh tidak melebihi 59 hari itu adalah merujuk kepada reman yang dibuat oleh Majistret di bawah s. 4 Akta tersebut, iaitu 21 hari di bawah s. 4(1)(a) APJ dan 38 hari di bawah s. 4(2) Akta tersebut. Justeru itu, dihujahkan bahawa s. 7(1)(b) dan s. 7A Akta tersebut hendaklah dibaca bersama s. 4 Akta tersebut.

[56] Pemohon merujuk kepada afidavit jawapan ASP Azuan bin Mat Omar, di mana beliau menyatakan bahawa pemohon dibebaskan dengan EMD pada 27 November 2015 tetapi diserahkan dengan perintah tahanan pada 7 Disember 2015. Memandangkan pemohon ditangkap pada 1 Oktober 2015, maka apabila perintah tahanan dikeluarkan oleh Pengerusi LPJ pada 7 Disember 2015, maka ianya sudah melebihi 60 hari iaitu sebanyak 68 hari. Ini merupakan suatu pelanggaran kepada s. 4 Akta tersebut.

[57] Berkenaan dengan isu ini, saya bersetuju dengan Peguam Persekutuan bahawa tidak diperuntukkan dalam mana-mana seksyen dalam Akta tersebut menetapkan tempoh masa khusus untuk perintah tahanan dikeluarkan terhadap pemohon. Oleh itu, isu ini adalah tidak berasas dan tidak mempunyai merit.

[58] Peruntukan s. 4 dan juga s. 7 Akta tersebut yang telah dirujuk oleh peguam pemohon dengan jelas dan nyata tiada menyatakan tempoh masa yang khusus atau tertentu untuk suatu perintah tahanan dikeluarkan kepada suspek/pemohon. Seksyen 7(1) Akta tersebut menyatakan "Any person remanded in custody under s. 4 may, at any time, be taken before a Sessions Court Judge ..."

[59] Dengan itu tidak timbul isu bahawa apabila pemohon dipasang dengan EMD dan dibebaskan sementara, hendaklah tidak melebihi 59 hari. Apa yang jelas di sini ialah pemohon semasa itu tidak berada dalam tahanan reman melebihi 60 hari.

[60] Isu ini adalah tidak bermerit dan ditolak.

Gagal Buktikan Pematuhan Kepada Sub-Peraturan 5(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014

[61] Pemohon menghujahkan bahawa responden telah gagal untuk membuktikan bahawa salinan-salinan Borang II telah diserahkan kepada pemohon berdasarkan eks. 'ALI2' iaitu ekshibit yang terkandung dalam afidavit jawapan Ahmad Lazimi bin Ishak, Setiausaha Lembaga Penasihat. Ini adalah kerana, pada eks. 'ALI2' tersebut, mendapati ada tanda tangan dan cop Pengerusi Lembaga Penasihat tetapi tidak ada nama signatory. Oleh itu, timbul keraguan siapakah yang menurunkan tanda tangan di atas Borang II notis pendengaran tersebut. Tanpa nama ianya juga boleh membawa inferens kemungkinan ditanda tangan oleh pihak PPA Bentong, polis atau Setiausaha Lembaga Penasihat.

[62] Pemohon menghujahkan bahawa kecacatan Borang II ini telah melanggari peruntukan sub-Peraturan 5(1) Peraturan tersebut yang memperuntukkan apa-apa representasi diterima oleh setiausaha, pengerusi hendaklah menetapkan suatu masa dan tempat bagi pendengaran representasi itu oleh Lembaga Penasihat dan hendaklah menyebabkan suatu notis dalam Borang II Jadual diserahkan kepada orang tahanan. Ini bermakna pengerusi yang akan menetapkan masa dan tempat untuk representasi dan bukannya lain-lain orang. Justeru itu, notis pendengaran iaitu Borang II hendaklah dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Penasihat.

[63] Apabila tiada dicatitkan nama pengerusi yang menandatangani notis pendengaran Borang II, dihujahkan pihak responden gagal buktikan pengerusi yang menandatanganinya dan seterusnya ketakpatuhan kepada sub-Peraturan 5(1) Peraturan tersebut.

Gagal Buktikan Pematuhan Kepada Sub-Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014

[64] Pemohon menghujahkan bahawa responden telah gagal untuk membuktikan bahawa salinan-salinan Borang III telah diserahkan kepada pemohon berdasarkan eks. 'ALI3' iaitu ekshibit yang terkandung dalam afidavit jawapan Ahmad Lazimi bin Ishak, Setiausaha Lembaga Penasihat. Ini adalah kerana, pada eks. ALI3 tersebut, mendapati ada tanda tangan dan cop Pengerusi Lembaga Penasihat tetapi tidak ada nama signatory. Oleh itu, timbul keraguan siapakah yang menurunkan tanda tangan di atas Borang III notis pendengaran tersebut. Tanpa nama ianya juga boleh membawa inferens kemungkinan ditanda tangan oleh pihak PPA Bentong, polis atau Setiausaha Lembaga Penasihat. Sekiranya ianya ditandatangani oleh polis, PPA atau Setiausaha Lembaga Penasihat, maka ianya tidak sah kerana Lembaga Penasihat hanya terdiri daripada seorang pengerusi dan dua orang ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh YDP Agong di bawah per. 151(2) Perlembagaan Persekutuan.

[65] Pemohon berhujah bahawa Borang III notis untuk mengemukakan orang tahanan yang diekshibitkan sebagai eks. 'ALI3' adalah cacat dan tidak sah kerana tidak mematuhi peruntukan sub-Peraturan 6(1) Peraturan tersebut yang memperuntukkan bahawa suatu notis di bawah sub-Peraturan 6(1) telah disampaikan kepada seseorang tahanan, Lembaga Penasihat hendaklah mengarahkan orang tahanan itu dikemukakan di hadapannya dengan menyampaikan suatu notis untuk mengemukakan orang tahanan dalam Borang III Jadual kepada pegawai penjaga.

[66] Apabila tiada dicatitkan nama orang yang menandatangani notis untuk mengemukakan orang tahanan Borang III, pemohon berhujah bahawa pihak responden gagal buktikan bahawa Lembaga Penasihat yang menandatanganinya dan seterusnya ketakpatuhan kepada sub-Peraturan 6(1) Peraturan tersebut. Oleh itu, pemohon menghujahkan bahawa wujudnya ketidakpatuhan prosedur mandatori di pihak responden.

[67] Saya telah menimbangkan hujahan pemohon berkenaan kedua-dua isu Borang II notis pendengaran di bawah peruntukan sub-Peraturan 5(1) dan Borang III notis untuk mengemukakan orang tahanan di bawah peruntukan sub-Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014, saya mendapati alasan-alasan bahawa tiada nama signatori di atas borang-borang tersebut adalah isu-isu yang remeh dan tidak boleh dianggap sebagai satu ketakpatuhan prosedur yang boleh menyebabkan perintah tahanan menjadi batal dan tidak sah.

[68] Melalui afidavit yang dideposkan oleh Ahmad Lazimi bin Ishak, Setiausaha Lembaga Penasihat yang mendeposkan bahawa Lembaga Penasihat yang telah menghantar Borang II dan Borang III berkenaan bagi tujuan-tujuan pendengaran dan mengemukakan pemohon bagi tujuan representasi. Ahmad Lazimi juga telah mengatakan bahawa pendengaran representasi telah ditetapkan pada 26 Januari 2016 jam 9 pagi dan pendengaran akan dipengerusikan oleh YA Abdul Rashid bin Sudin. Adalah pada pandangan saya dan saya percaya bahawa tanda tangan dan cop Pengerusi Lembaga Penasihat itu adalah pengerusi YA Abdul Rashid bin Sudin. Malah dalam kes ini tidak dinafikan bahawa pemohon telah hadir dengan diwakili oleh peguam Dato Michael Chee dan saksi pada 26 Januari 2016 di hadapan pengerusi YA Abdul Rashid bin Sudin.

[69] Oleh itu, Borang II dan Borang III itu tidak defektif atau telah memprejudiskan pemohon. Inferen pemohon bahawa kemungkinan Borang II dan Borang III ditanda tangan oleh pihak PPA Bentong, polis atau Setiausaha Lembaga Penasihat adalah tidak bermerit. Tidak ada bukti bahawa pendengaran representasi ditolak kerana borang-borang tiada nama signatori. Malah dalam kes ini tidak dinafikan bahawa pemohon telah hadir dengan diwakili oleh peguam Dato Michael Chee dan saksi pada 26 Januari 2016, iaitu tarikh persidangan di hadapan Lembaga Penasihat bermakna Borang II dan Borang III, tarikh persidangan telah disampaikan dan dimaklumkan dengan jelas kepada pemohon dan tindakan rasmi berkenaan borang-borang tersebut telah dilaksanakan dengan betul.

[70] Walau apapun Borang-borang II dan III adalah borang-borang rasmi dan apa-apa tindakan yang diambil adalah atas urusan rasmi. Mahkamah boleh membuat anggapan bahawa apa-apa tindakan yang dibuat dalam urusan rasmi hendaklah diterima sebagai telah dilaksanakan dengan betul. Seksyen 114(e) Evidence Act 1950 memperuntukkan sebagaimana berikut:

> 114. the court may presume the existence of any fact which it thinks likely to have happened, regard being had to the common course of natural events, human conduct, and public and private business, in their relation to the facts of the particular case;
>
> (e) that judicial and official acts have been regularly performed.

[71] Dalam kes *Mohd Nazir Badar Shair v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors* [2000] 2 CLJ 805; [2000] 2 MLJ 559, mahkamah telah mengguna pakai peruntukan s. 114(e) Evidence Act 1950 untuk memutuskan bahawa tindakan pemfailan afidavit adalah tindakan rasmi yang membenarkan mahkamah menerima anggapan bahawa tindakan perundangan dan urusan rasmi (judicial and official acts) sebagai telah dilaksanakan secara betul. Mahkamah mengatakan:

> Be that as it may, the affirmation and filing of an affidavit are official acts which will attract s. 114(e) of the Evidence Act 1950 which provides that the court may presume that judicial and official acts have been regularly performed. The words 'regularly performed' in the section means correctly done (see *Commissioners of the Municipality of Malacca v. Sinniah* [1974] 1 MLJ 77). Further, as Richard Talalla J said in *Lim Bua v. Ng Kian Heng* [1993] 2 CLJ 461 at p 462:
>
> > Section 114 of the Evidence Act ('the Act') with its illustration (e) provides that the court may presume the existence of any fact which it thinks likely to have happened, regard being had to the common course of natural events, human conduct, and public and private business, in their relation to the facts of the particular case and that judicial and official acts have been regularly performed. The illustration constitutes an application of the maxim *omnia praesumuntur rite esse acta* that is all acts are presumed to have been rightly and regularly done. As stated in *Sarkar on Evidence* (13th Ed) at p 1037, the foundation for the maxim is that every person whether in his private or official character, does his duty and unless the contrary is proved, it is presumed that all things are rightly and regularly done.
>
> The signature of a commissioner for oaths in an affidavit showing that it has been sworn before him is an official act and the affidavit must be presumed to have been regularly affirmed even though the jurat is on a completely new page unless the contrary is proved. Thus in *Jugraj Singh & Anor v. Jaswant Singh & Ors* AIR 1971 SC 761, it was held that the endorsement of a notary public that a power of attorney had been subscribed and sworn before him raises the presumption that he must have satisfied himself in the discharge of his official duties that the person executing it is the proper person.

(Lihat juga kes-kes *Assunta Hospital v. Dr A Dutt* [1979] 1 LNS 6; [1980] 1 MLJ 96, *Attorney-General, Malaysia v. Chemical Workers' Union of Malaya & Anor* [1970] 1 LNS 6; [1971] 1 MLJ 38 dan *Kathiravelu Ganesan & Anor v. Kojasa Holdings Bhd* [1997] 3 CLJ 777; [1997] 2 MLJ 685)

[72] Selain itu juga, pemohon tidak pernah membangkitkan isu ini di dalam afidavit pemohon dan isu ini sepatutnya tidak boleh dibangkitkan di peringkat hujahan. Saya bersetuju dengan kes *Keng Kien Hock v. Timbalan*

Menteri Keselamatan Dalam Negeri & Ors [2007] 5 CLJ 171; [2007] 5 MLJ 611, yang dirujuk oleh Peguam Persekutuan di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

> It is also to be noted that the appellant chose not to challenge or to rebut the Deputy Minister's explanation relating to the time taken in the performance of his legal task under s. 2 of the Act as contained in his affidavit in reply in encl. (8). Such an omission by the appellant to question the explanation given by the Deputy Minister rendered the said explanation as being plausible and unchallenged facts.

Di ms. 187 (CLJ) pula, YA Zulkefli Makinudin HMP memutuskan:

> In the present case the respondent through the relevant officers had made specific averment in their affidavits regarding the issuance of the Warrant of Release Form D by giving a detailed account of the process of release from the prison and the handing over of the appellant to the police. We further find *the appellant in fact did not challenge or dispute the specific averment made on behalf of the respondents on the issue raised by filing rebuttal affidavit evidence. Failure to do so amounts to concession on the part of the appellant. (See the case of Ng Hee Thoong & Anor v. Public Bank Bhd [1995] 1 CLJ 609).*
>
> (penekanan diberikan)

(Lihat juga kes *Logeswaran Rethinam & Anor v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2008] 1 LNS 869) - That the respondents had failed to show that the Chairman of the Advisory Board hearing the representations of both these applicants was properly qualified and/or appointed to such post.)

Keputusan Mahkamah

[73] Setelah menimbangkan permohonan pemohon untuk writ *habeas corpus* bagi tujuan membatalkan perintah tahanan terhadapnya dengan mengemukakan empat alasan yang dikatakan sebagai ketakpatuhan prosedur dan setelah meneliti kandungan afidavit-afidavit yang difailkan dan setelah membaca hujahan bertulis peguam pemohon dan Peguam Persekutuan yang mewakili responden-responden, saya hanya mendapati isu bahawa responden-responden tidak menyerahkan dapatan pegawai siasatan kepada pemohon dengan 'serta-merta" adalah ketidakpatuhan kepada s. 10(2) Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan 2014).

[74] Berdasarkan kepada alasan tersebut maka permohonan pemohon adalah dibenarkan dan perintah tahanan terhadap pemohon dibatalkan. Pemohon hendaklah dibebaskan dari tahanan dengan serta-merta.